

BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD**NOTA PANDUAN 19****PELANTIKAN PENASIHAT UNTUK CADANGAN KORPORAT**

Perincian	Rujukan Silang	
Tarikh kuat kuasa :	3 Ogos 2009	Kaedah 4.16, 4.25 dan 8.06
Tarikh semakan:	3 Januari 2012, 13 Julai 2015, 2 Januari 2018	

1.0 Pengenalan

- 1.1 Kaedah 8.06 Kehendak-kehendak Penyenaian memperuntukkan seperti berikut:
- (a) perbadanan tersenarai mesti melibatkan perkhidmatan seorang Penasihat jika ia melaksanakan cadangan atau aktiviti korporat yang ditetapkan oleh Bursa untuk memerlukan perkhidmatan seorang Penasihat; dan
 - (b) perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa pekeling atau dokumen berkenaan dengan cadangan korporat tersebut disiapkan dan disemak oleh Penasihatnya sebelum ia diserahkan kepada Bursa untuk diteliti.
- 1.2 Nota Panduan ini menyatakan cadangan korporat di mana perbadanan tersenarai -
- (a) mesti melantik dan melibatkan perkhidmatan seorang Penasihat; dan
 - (b) tidak perlu melantik seorang Penasihat.
- 1.3 Perbadanan tersenarai mesti berunding dengan Bursa sekiranya cadangan korporat yang dilaksanakan olehnya tidak termasuk bawah perenggan 2.0 atau 3.0 di bawah, dan melantik Penasihat untuk cadangan korporat sekiranya dikehendaki oleh Bursa.

2.0 Cadangan atau aktiviti korporat yang menghendaki perkhidmatan seorang Penasihat

- 2.1 Perbadanan tersenarai mesti melantik seorang Penasihat untuk cadangan atau aktiviti korporat berikut:
- (a) perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar dalam perbadanan tersenarai;
 - (b) penerbitan baharu sekuriti;
 - (c) transaksi jika mana-mana satu nisbah peratusan adalah 25% atau lebih dan kelulusan kelulusan pemegang syer dikehendaki menurut Kaedah 10.07 Kehendak-kehendak Penyenaian;

- (d) transaksi pihak yang berkaitan jika mana-mana satu nisbah peratusannya adalah 5% atau lebih, tidak termasuk mandat pemegang syer untuk Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan;
- (e) cadangan oleh Syarikat Tunai menurut Kaedah 8.03 (5) Kehendak-kehendak Penyenaian;
- (f) pelan penyelarasan oleh Syarikat GN3 menurut Kaedah 8.04(3)(a) Kehendak-kehendak Penyenaian;
- (g) pemberian bantuan kewangan kepada syarikat bersekutu;
- (h) skim kompromi, pengaturan, penggabungan, pembinaan semula atau skim penyusunan semula secara am;
- (i) pengagihan modal, pembayaran balik atau pengurangan;
- (j) pembahagian kecil atau penyatuan syer;
- (k) cadangan korporat yang boleh mengakibatkan pencairan material dari subsidiari utamanya menurut Kaedah 8.23 Kehendak-kehendak Penyenaian;
- (l) cadangan korporat yang boleh mengakibatkan kepelbagaian dalam operasi perbadanan tersenarai menurut Kaedah 10.13 Kehendak-kehendak Penyenaian;
- (m) pelanjutan masa untuk kematangan atau peluputan sekuriti boleh tukar;
- (n) penarikan balik penyenaian;
- (nA) Skim Pelaburan Semula Dividen; dan
- (o) cadangan atau aktiviti korporat lain yang sedemikian yang boleh ditetapkan atau ditentukan oleh Bursa.

3.0 Cadangan atau aktiviti korporat yang tidak memerlukan perkhidmatan seorang Penasihat

3.1 Perbadanan tersenarai tidak perlu melantik seorang Penasihat untuk cadangan atau aktiviti korporat berikut:

- (a) pembelian balik syer;
- (b) mandat pemegang syer untuk Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan;
- (c) pindaan kepada atau penerapan perlembagaan;
- (d) pindaan kepada surat ikatan amanah atau surat ikatan pol;
- (e) [dipotong];
- (f) notis penyesuaian kepada waran;
- (g) penebusan stok pinjaman boleh tukar yang tidak boleh ditebus;
- (h) notis kematangan atau peluputan sekuriti boleh tukar;

- (i) [dipotong];
- (j) perubahan nama perbadanan tersenarai
- (k) pertukaran juruaudit perbadanan tersenarai; dan
- (l) pertukaran kepada lembaga pengarah perbadanan tersenarai.